

Headline	Dasar Perhutanan Malaysia jadi rujukan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	14	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	389 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,625
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,875



Dasar Perhutanan Malaysia jadi rujukan

KUALA LUMPUR: Dasar Perhutanan Malaysia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar-dasar perhutanan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata penggabulan dasar tersebut merupakan manifestasi komitmen negara dalam melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan.

"Ia merupakan agenda utama di dalam negara dan juga prinsip dipegang di peringkat antarabangsa," katanya dalam ucapan aluan sempena majlis pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia dan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2021 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di sini, semalam.

Shamsul Anuar berkata Dasar Perhutanan Malaysia telah dipersetujui semua kerajaan negeri pada mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-78 pada 29 Januari lepas.

Beliau berkata dasar tersebut telah melalui proses rundingan antara tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak 2016.

Selain itu, beliau berka-

ta mesyuarat tersebut juga bersetuju dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

"Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah, Dasar Hutan Sarawak dan Dasar Perhutanan Semenanjung, Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengukuhan pengurusan hutan secara berkekalan menjadi sebahagian daripada Dasar Perhutanan Malaysia," katanya.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata selain daripada pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia, kementerian juga berjaya melaksanakan beberapa pencapaian dalam sektor perhutanan walaupun negara bergelut dengan pandemik Covid-19.

Antaranya ialah Agenda Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta Pokok dan penanaman 18.75 juta pokok di seluruh negara pada 2020.

Selain itu, pencalonan Bukit Bendere, Pulau Pinang sebagai tapak rizab biosfera di bawah program Man and the Biosphere (MAB), UNESCO; pencalonan



PENJELASAN ... Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mendengar penerangan daripada Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (kiri) ketika menonton video montaj selepas menyempurnakan simbolik pelancaran pada Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan tahun 2021 di Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam. • Foto BERNAMA

Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai ASEAN Heritage Park ke-4 di Malaysia serta peng-

hantaran pulang sembilan ekor Orang Utan ke Indonesia selain penetapan Catuan Tebangan

Tahunan (CTT) untuk negeri-negeri bagi tempoh 2021 hingga 2025. - Bernama